

# MOH rancang wajibkan data pesakit dimasukkan ke rekod elektronik

KEMENTERIAN Kesihatan (MOH) ingin menjadikan suatu kemestian bagi semua penyedia penjagaan kesihatan memuat naik data mereka ke Rekod Kesihatan Elektronik Nasional (NEHR) – daripada hospital besar hinggalah kepada semua klinik kejuranan.

Ini bermakna setiap aspek sejarah perubatan seseorang termasuk lawatan ke doktor sektor swasta, perubatan kronik, alahan dan rekod suntikan, akan tertera dalam rekod tersebut.

Usul itu dirancang menyusuli kadar yang lembap daripada penyedia penjagaan kesihatan swasta selama enam tahun sejak NEHR dilancarkan pada 2011.

Singapura merupakan salah satu negara di dunia yang pertama membentuk satu sistem yang menyeluruh.

Perkongsian maklumat perubatan dalam simpanan elektronik nasional akan menjadikan rawatan lebih lancar dan membawa penjimatan wang bagi pesakit, kata pemerintah.

Perubahan-perubahan yang disarankan itu kemungkinan akan dibentangkan di Parlimen pada tahun depan.

Jika diluluskan, kumpulan-kumpulan penjagaan kesihatan akan diberi tempoh penangguhan selama dua hingga tiga tahun untuk membuat persediaan yang diperlukan.

Peruntukan sebanyak \$20 juta telah disediakan bagi membantu pengamal perubatan mengimbangi kos mengemas kini sistem mereka.

Perincian tersebut didedahkan oleh Menteri Kesihatan,

Encik Gan Kim Yong, di pelancaran Sidang Kesihatan Masa Depan selama tiga hari.

Beliau berkata bahawa perkongsian maklumat perubatan menjadi semakin penting, dengan lebih ramai pesakit mengunjungi pelbagai karyawan penjagaan kesihatan bagi pelbagai masalah atau keadaan kesihatan yang dihadapi.

Buat masa ini, kebanyakan data NEHR adalah daripada institusi sektor awam seperti poliklinik dan hospital awam.

Hanya 3 peratus daripada lebih 4,000 penyedia penjagaan kesihatan swasta, termasuk klinik pakar, rumah rawatan dan hospis, menyumbang kepada skim tersebut.

Ini walaupun suku daripada mereka mempunyai akses dan boleh melihat rekod pesakit.

“Para pesakit hanya boleh menyedari potensi sepenuh NEHR jika datanya adalah menyeluruh.

“Dan bagi data NEHR menjadi menyeluruh, setiap penyedia dan profesional penjagaan kesihatan perlu menyumbang data relevan ke dalamnya,” ujar Encik Gan semasa berucap di sidang kesihatan itu di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Mereka yang menyumbang data awal menjelang Jun 2019 boleh membuat tuntutan jumlah sekali daripada MOH bagi mengimbangi kos meningkatkan sistem mereka.

Peruntukan \$20 juta itu akan digunakan untuk tujuan itu, tambah Encik Gan.